

# MoU Labuan FSA, UMS perluaskan skop kolaborasi

► *Membangunkan pelbagai kapasiti dan keupayaan bagi menyokong sektor LIBFC*

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL  
conypearl09@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi memperluaskan skop kolaborasi antara kedua-dua agensi.

MoU terbabit dijangka akan membangunkan pelbagai kapasiti dan keupayaan bagi menyokong sektor Pusat Kewangan Perniagaan Antarabangsa Labuan (LIBFC).

Ketua Pengarah Labuan FSA, Ahmad Hizzad Baharuddin berkata perjanjian itu merupakan kesinambungan MoU antara dua pihak pada tahun 2000 yang lalu melalui inisiatif perkongsian pintar untuk memenuhi medium kapasiti pembangunan LIBFC.

"Inisiatif ini adalah termasuk memberikan penganugerahan bagi mengiktiraf kejayaan pencapaian cemerlang pelajar UMS.

"Dengan kerjasama yang erat, ia juga membuka peluang kepada kesinambungan MoU antara Labuan FSA dan UMS bagi menekankan aspek kepentingan antara kedua-dua pihak khususnya melahirkan graduan serta tenaga pekerja yang berdaya saing," katanya pada majlis menandatangani MoU antara Labuan FSA dan UMS, di sini kelmarin.

Melalui hubungan dua hala itu katanya, ia juga merangkumi kerjasama dalam penyelidikan dan latihan yang membabitkan pelajar termasuk latihan industri, peluang pekerjaan, serta peningkatan prestasi dalam bidang akademik.

Ahmad berkata, penubuhan Labuan FSA juga bertujuan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan Labuan sebagai institusi kewangan bertaraf



**HARUN (dua kiri) dan Ahmad (dua kanan) menandatangani dokumen perjanjian persefahaman.**

antarabangsa.

Katanya, ketersediaan golongan profesional yang menyokong dan bersedia untuk menerajui insentif industri berkemahiran tinggi melalui inovasi produk dan perkhidmatan merupakan elemen yang penting dalam mencapai kejayaan.

"Kampus UMS di Labuan dan juga Kota Kinabalu adalah pusat yang cemerlang dalam

melahirkan tenaga kerja yang berdaya saing melalui tawaran program seperti pasaran kewangan antarabangsa dan cukai antarabangsa.

"Selain itu, unversiti ini juga



**AHMAD (dua kanan) dan Harun menunjukkan dokumen perjanjian selepas majlis menandatangani MoU.**

mampu menyediakan peluang pekerjaan yang efektif di Labuan menerusi program latihan industri termasuk pekerja Labuan FSA," katanya.

Dalam pada itu, melalui kerjasama antara UMS selama 12 tahun, Labuan FSA juga telah menyumbangkan lebih RM100,000 bagi tujuan penganugerahan pelajar

cemerlang UMS di kampus antarabangsa Labuan.

Turuh hadir, Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan tetamu kehormat yang lain.